



**FRESENIUS
MEDICAL CARE**



Tatakelakuan Perniagaan & Etika

Jadual Kandungan

03 Kebolegunaan Tatakelakuan	15 4.4. Bersaing dengan Adil	25 7.0 Tanggjawab Kami sebagai Rakyat Korporat
04 Pengenalan	15 4.5. Pilihan Pembekal	26 7.1. Perlindungan Persekitaran
06 1.0 Nilai-nilai Global Kami	16 4.6. Percanggahan Kepentingan	26 7.2. Derma dan Tajaan
08 2.0 Perniagaan Kami		27 8.0 Pematuhan Kami
09 2.1 Penjagaan Pesakit	17 5.0 Maklumat Kami	28 8.1 Gambaran Keseluruhan
09 2.2 Kualiti dan Inovasi	18 5.1. Buku dan Rekod yang Betul	28 8.2. Polisi
	18 5.2. Amalan Pembilan	29 8.3. Latihan
10 3.0 Kakitangan Kami	18 5.3. Kerahsiaan dan Data Persendirian	29 8.4. Melaporkan
11 3.1. Menghormati Hak Asasi Manusia dan Hak Pekerja	19 5.4. Perlindungan Maklumat Rahsia dan Rahsia Perdagangan	29 8.5. Pegawai Pematuhan - Sokongan
11 3.2. Inklusif dan Kepelbagaian	19 5.5. Harta Intelektual	30 8.6. Jangkaan Kami dan Tanggjawab Anda
11 3.3. Persekitaran Kerja Tanpa Diskriminasi dan Gangguan	20 5.6. Urus Janji Sendiri Tidak Dibenarkan	
	20 5.7. Perdagangan Orang Dalam	32 Maklumat Hubungan
12 3.4. Kelayakan	21 6.0 Komunikasi Kami	
13 4.0 Tingkah Laku Kami	21 6.1. Permintaan Maklumat daripada Pihak Berkuasa Kerajaan	
14 4.1 Antirasuah	22 6.2. Komunikasi dengan Pihak Media	
14 4.2. Antipelaburan Wang Haram	22 6.3. Pengiklanan dan Promosi	
14 4.3 Tadbir Urus Perdagangan	23 6.4. Penggunaan Media Sosial	
	24 6.5. Aktiviti Politik	

Kebolehgunaan Tatakelakuan Perniagaan dan Etika

Tatakelakuan Perniagaan dan Etika (Tatakelakuan) ini adalah untuk semua orang, termasuk pegawai, pengarah, pekerja, pekerja kontrak, dan ejen Fresenius Medical Care serta firma gabungannya yang dimiliki atau dikawal secara langsung atau tidak langsung di seluruh dunia.

Dalam Tatakelakuan ini, kami membuat tambahan dengan polisi yang lebih spesifik yang menerangkan situasi spesifik atau semua undang-undang tempatan yang berkaitan. Jika undang-undang atau polisi tempatan bercanggah dengan Tatakelakuan kami, anda perlu menghubungi Jabatan Undang-undang dan/atau Jabatan Pematuhan anda.



Mesej daripada Pihak Pengurusan Fresenius Medical Care

Setiap hari, kami berusaha untuk menambah baik kehidupan pesakit kami melalui penjagaan dan produk yang bagus. Pesakit, pekerja, pelanggan, dan pelabur kami, begitu juga pihak berkepentingan yang lain, mempercayai kami untuk memberi perkhidmatan dan produk dengan kualiti terbaik dan mengendalikan perniagaan dengan jujur, berintegriti, dan menghormati hak asasi manusia serta kepentingan pekerja kami. Kejayaan dan reputasi kami yang berterusan bergantung pada komitmen kami terhadap standard tingkah laku yang tertinggi.

Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini berusaha untuk menggariskan prinsip-prinsip biasa kami.

Pesakit adalah keutamaan kami yang paling penting. Memberikan mereka perkhidmatan dan produk yang bermutu tinggi adalah tanggungjawab semua orang dalam Fresenius Medical Care. Kami berikrar untuk melayan semua pesakit dengan bermaruah dan rasa hormat serta bertindak secara beretika, adil, berbudi bahasa, cekap, dan tepat pada waktunya.

Kami komited untuk menggalakkan ciri inklusif dan kepelbagaian serta menyediakan tempat kerja yang selamat, sihat, adil, dan produktif kepada pekerja kami, dan kami mengharapkan perkara yang sama daripada rakan kongsi perniagaan kami. Kami tidak bertolak ansur terhadap diskriminasi, gangguan, atau tindakan balas.

Kami berdedikasi untuk mengendalikan dan mengembangkan perniagaan kami dalam cara yang mematuhi undang-undang dan beretika, selaras dengan nilai global kami dan standard hak asasi manusia antarabangsa.

Perniagaan kami dikawal selia dengan tinggi dan tertakluk kepada beberapa undang-undang yang rumit. Kegagalan untuk mematuhi undang-undang, Tatakelakuan ini, atau polisi Syarikat boleh menyebabkan Fresenius Medical Care atau individu dikenakan denda, kehilangan lesen, sekatan, atau kerosakan terhadap reputasi kami. Kami mengambil serius tentang pematuhan, dan kita mesti melakukannya sebagai sebuah pasukan dengan mengikuti set prinsip yang biasa ini.

Kejayaan jangka masa panjang kami yang berterusan bergantung pada setiap individu yang mematuhi Tatakelakuan ini, undang-undang, dan polisi dalam semua aspek perniagaan kami. Jika kita bekerjasama sebagai sebuah pasukan dan menyokong satu sama lain dalam usaha ini, kita boleh menetapkan standard dalam industri kita untuk kualiti perubatan, pematuhan kawal selia, dan prestasi perniagaan beretika.

Visi Kami

Mencipta masa depan yang layak dijalani. Untuk pesakit. Di seluruh dunia. Setiap hari.

Pengalaman selama berdekad-dekad dalam dialisis, penyelidikan inovatif, peneraju global dalam perkhidmatan dan produk dialisis – itulah Fresenius Medical Care.

Pesakit dengan penyakit buah pinggang kini boleh memandang ke hadapan dengan rasa lebih yakin disebabkan teknologi dan konsep rawatan kami yang inovatif. Kami memberi mereka masa depan yang lebih baik, yang memberikan mereka kualiti hidup paling baik yang boleh dicapai. Kami menggunakan permintaan yang semakin tinggi terhadap kaedah dialisis moden dan bekerja secara konsisten untuk meningkatkan perkembangan Syarikat. Bersama dengan pekerja kami, kami menumpukan pada meneruskan strategi yang akan membolehkan kami mendukung kedudukan kami sebagai peneraju dalam teknologi. Sebagai sebuah syarikat bersepadu, kami menawarkan produk dan perkhidmatan untuk keseluruhan rantai nilai dialisis.

Standard perubatan yang tertinggi ialah tanda aras kami. Ia merupakan komitmen kami terhadap pesakit kami, rakan kongsi kami dalam sistem penjagaan kesihatan, dan pelabur kami, yang percaya dalam prestasi yang boleh diharap dan masa hadapan Fresenius Medical Care.

Misi Kami

Kami memberi penjagaan yang terbaik. Bekerja secara mampan dalam sistem penjagaan kesihatan yang pelbagai. Untuk jumlah pesakit yang bertambah di seluruh dunia.

Fresenius Medical Care mencapai standard klinikal, kualiti, dan teknologi yang boleh dicapai secara optimum dalam penjagaan pesakit melalui komitmen kami untuk menghasilkan produk dan terapi yang inovatif.

Kedudukan Fresenius Medical Care yang unik menghasilkan pengalaman profesional dan inovasi berterusan selama bertahun-tahun. Oleh sebab itu, tumpuan penyelidikan dan usaha pembangunan kami adalah untuk mengekalkan ciri teknologi dan klinikal yang canggih dan diperlukan untuk mencipta produk inovatif serta terapi yang dipertingkatkan. Pekerja kami bersatu dalam komitmen kami untuk menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi serta membawa amalan perubatan dan profesional yang boleh dicapai secara optimum kepada penjagaan pesakit.



1.0 Nilai-nilai Global Kami

Kami menilai ciri bekerjasama, proaktif, boleh dipercayai, dan cemerlang. Nilai-nilai ini menyokong misi kami untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi, untuk mempunyai kesan positif terhadap kesihatan dan kesejahteraan pesakit, serta untuk membawa Fresenius Medical Care ke arah masa hadapan yang berjaya dan mampan. Nilai-nilai global kami mencerminkan budaya Syarikat dan ia menghubungkan, menggalakkan, dan membimbing kami untuk berfikir dan bertindak sebagai satu Syarikat global.



BEKERJASAMA

...bermakna kami tahu cara bekerjasama untuk nilai kami yang dikongsi dan untuk mencapai matlamat kami sebagai satu Syarikat.

TINGKAH LAKU

Kami menjadi pasukan

Kami mengambil berat tentang berkongsi maklumat dan pengalaman kerana ini membantu kami belajar daripada kesilapan kami dan satu sama lain. Kami mengatasi cabaran bersama-sama dengan menghubungi rakan sekejra yang jauh dan dekat. Kami berkomunikasi secara terbuka.



PROAKTIF

...bermakna kami bagus dalam mengambil inisiatif untuk melakukan impak dengan kerja kami.

TINGKAH LAKU

Kami menyelesaikan kerja

Kami mencabar status quo dan menunjukkan minat dalam perkara yang berlaku di sekeliling kami. Kami bertanya soalan untuk memahami dengan jelas tentang perkara yang perlu dilakukan dan bertanggungjawab terhadap keputusannya.



BOLEH DIPERCAYAI

...bermakna kami adalah teman yang dipercayai kepada pesakit, rakan kongsi dan rakan sekerja kami.

TINGKAH LAKU

Kami lakukan apa yang dikatakan

Kami membuktikan jangkauan kami, menunjukkan rasa hormat dan mengetuai dengan memberi contoh. Kami bertindak dengan integriti dan selaras dengan standard kami setiap hari.



CEMERLANG

...bermakna kami terus memacu kualiti dan terus maju untuk menerajui perniagaan bagi masa hadapan yang berjaya.

TINGKAH LAKU

Kami melebihi jangkauan

Kami bekerja dengan lebih baik pada hari ini berbanding semalam. Kami memberi idea tentang cara menambah baik dan berinovasi.

2.0 Perniagaan Kami

Kami komited untuk memberi penjagaan klinikal yang terbaik kepada pesakit dan menghasilkan produk berkualiti tinggi. Kami bergantung pada hubungan yang baik dengan pesakit kami dan semua pihak berkepentingan untuk berjaya dalam mencapai matlamat kami dan memenuhi tujuan kami.



2.1. Penjagaan Pesakit

Kami berusaha untuk memberi penjagaan yang amat baik dan mampan terhadap pesakit kami. Kami berusaha untuk terus menambah baik kualiti penjagaan dan pengalaman pesakit melalui penyelidikan dan kajian saintifik. Kami menerima pendapat pesakit melalui cadangan, kebimbangan, dan aduan pesakit. Polisi kami mencerminkan prinsip-prinsip ini.

2.2.

Kami komited untuk:

- 1 Menghormati integriti hubungan pesakit dan doktor
- 2 Bekerjasama dengan pasukan penjagaan
- 3 Melayan semua pesakit dengan bermaruah dan rasa hormat
- 4 Bertindak secara beretika, adil, berbudi bahasa, cekap, dan proaktif
- 5 Memberitahu pesakit kami dengan jujur dan bercakap tentang isu pada waktu yang tepat
- 6 Menerangkan ciri dan kualiti perkhidmatan, produk, harga, dan maklumat lain dengan jujur
- 7 Melibatkan pesakit dan keluarga dalam rancangan rawatan setiap kali waktu yang sesuai
- 8 Mengumpul, mencatat, dan memindahkan data peribadi pesakit selari dengan undang-undang dan polisi yang berkenaan
- 9 Melindungi kerahsiaan maklumat peribadi pesakit
- 10 Tidak menawarkan insentif yang tidak sesuai kepada pesakit
- 11 Menumpukan pada peningkatan kualiti yang berterusan dengan evolusi sains

Kualiti dan Inovasi

Kualiti dan keselamatan perkhidmatan serta produk kami ialah asas perniagaan kami, dan keselamatan pesakit ialah keutamaan terbesar kami. Kami mengekalkan persekitaran kemajuan saintifik dan peningkatan kualiti yang berterusan dengan menghasilkan produk dan terapi yang inovatif serta dengan mencipta dan menjalankan sistem kualiti yang canggih. Kami komited untuk mengaplikasikan ujian klinikal secara konsisten, dan kami menghormati keperluan etika, termasuk tanggungjawab kami terhadap standard bioetika. Kami berusaha untuk menambah baik kualiti perkhidmatan dan produk dengan mengumpul dan mengkaji data serta maklum balas. Kami menguruskan keselamatan dan kualiti secara proaktif di samping kitar hayat lengkap bagi produk kami melalui penyelidikan, rekaan, penghasilan dan pengendalian, kitar semula dan pembuangan, begitu juga kajian semula terpiawai terhadap data, aduan, dan maklum balas.

Kami komited untuk:

- 1 Mengutamakan keselamatan pesakit
- 2 Sentiasa memberi perkhidmatan dan produk yang berkualiti
- 3 Mematuhi undang-undang keselamatan dan kualiti serta polisi kami
- 4 Mematuhi undang-undang dan polisi kami mengenai melaporkan kejadian advers dan standard etika
- 5 Bertindak berdasarkan standard saintifik dan etika kami

3.0 **Kakitangan Kami**

Kami komited untuk mengambil dan mengekalkan pekerja yang berke Layakan serta menyediakan tempat kerja yang dihormati dengan keadaan bekerja yang adil dan selamat.



3.1. Menghormati Hak Asasi Manusia dan Hak Pekerja

Kami menghormati amalan hak asasi manusia dan hak pekerja. Kami mematuhi undang-undang yang berkenaan dan dibimbing oleh prinsip-prinsip yang diterangkan dalam Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu dan Deklarasi Prinsip dan Hak Asasi di Tempat Kerja 1998 oleh Organisasi Pekerja.

Kami tidak menyokong penggunaan eksploitasi dan pekerja kanak-kanak haram serta tidak menerima sebarang bentuk pekerja yang dipaksa termasuk perhambaan moden dan pemerdagangan manusia.

Kami menghormati prinsip-prinsip kebebasan persatuan dan hak untuk tawar-menawar kolektif yang efektif, termasuk hak pekerja kami untuk bebas memilih sama ada untuk diwakili oleh kesatuan sekerja tertentu, selaras dengan undang-undang yang berkaitan.

Kami berusaha untuk menjalankan aktiviti kami dalam cara yang selamat dan mengutamakan kesihatan dan keselamatan pekerja kami, rakan kongsi perniagaan kami dan tenaga kerja mereka yang membantu dalam operasi kami, dan orang yang tinggal serta bekerja berhampiran kawasan kami. Kami mencipta budaya di mana semua orang berasa bertanggungjawab untuk mengurangkan risiko dan menggalakkan amalan yang selamat.


Untuk maklumat lanjut tentang Hak Asasi Manusia dan Hak Pekerja, sila lihat Kenyataan Global Fresenius Medical Care tentang Hak Asasi Manusia, Hak di Tempat Kerja serta Prinsip Pekerja dan Pekerjaan atau polisi dan garis panduan Syarikat yang berkaitan.

3.2. Ciri Inklusif dan Kepelbagaian

Kami menilai ciri inklusif dan kepelbagaian. Kami menggalakkan ciri inklusif sebagai rasa kekitaan dan bernilai. Kami hanya boleh mencapai potensi kami dan taraf prestasi serta inovasi yang lebih tinggi jika semua pekerja di Fresenius Medical Care menyokong kepelbagaian dan menyumbang perspektif, bakat individu, dan pengalaman mereka.

3.3. Persekitaran Kerja Tanpa Diskriminasi dan Gangguan

Fresenius Medical Care menyokong peluang sama rata untuk semua pekerjanya dan tidak bertolak ansur terhadap diskriminasi atau gangguan, termasuk gangguan seksual. Kami tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk diskriminasi berdasarkan asal usul bangsa/etnik, warna kulit, kewarganegaraan, jantina, identiti jantina, pernyataan jantina, orientasi seksual, ketidakupayaan fizikal/mental, agama, usia, status perkahwinan atau keluarga, atau sebarang kategori lain yang dilindungi oleh undang-undang.



Kami berharap pengurus, pekerja, tenaga kerja, dan rakan kongsi perniagaan kami dapat:

- 1 Memenuhi komitmen kami untuk menghormati hak asasi manusia dan hak pekerja
- 2 Menyumbang untuk menyediakan dan mengekalkan persekitaran kerja tanpa diskriminasi dan gangguan
- 3 Melaporkan pelanggaran sebenar atau yang berpotensi

3.4. Kelayakan

Kami berdedikasi untuk mengambil pekerja yang berkelayakan. Sebilangan tugas di Fresenius Medical Care memerlukan anda untuk mempunyai lesen (contohnya lesen kejururawatan), sijil (contohnya sijil juruteknik dialisis), atau bukti kelayakan profesional yang lain atau sijil berkaitan kesihatan. Anda bertanggungjawab untuk mengekalkan semua bukti kelayakan untuk menjalankan tugas. Anda mesti segera melaporkan kepada penyelia anda jika bukti kelayakan yang diperlukan telah tamat tempoh atau ditarik.

Di sesetengah negara, agensi kerajaan mungkin mengecualikan beberapa individu daripada menyertai aktiviti penjagaan kesihatan. Jika anda menerima notis bahawa anda dikecualikan daripada menyertai sebarang program kerajaan, anda mesti segera memberitahu penyelia anda.

4.0 Tingkah Laku Kami

Kami komited untuk menjalankan perniagaan dengan jujur, integriti dan telus.

Menggalakkan budaya yang jujur, telus, dan berintegriti amat penting untuk meneruskan kepercayaan pesakit, pengawal atur, rakan kongsi perniagaan, dan pihak berkepentingan yang lain.





4.1. Antirasuah

Sebagai sebuah Syarikat global, kami berusaha untuk mematuhi undang-undang antirasuah di seluruh negara di mana kami beroperasi, termasuk Akta Amalan Korupsi Asing A.S. ("FCPA"), Akta Rasuah UK, dan Kanun Jenayah Jerman.

Fresenius Medical Care tidak bertolak ansur terhadap rasuah, korupsi, wang sogokan, atau pemberian sebarang faedah yang tidak sesuai di mana-mana sahaja di dunia, sama ada ia melibatkan pakar profesional penjagaan kesihatan, pegawai kerajaan, atau mana-mana pihak persendirian yang lain.

Anda tidak boleh menawarkan, memberi kuasa, atau memberi bayaran atau apa-apa yang bernilai dengan niat untuk mempengaruhi sesiapa secara tidak baik. Anda juga tidak boleh meminta, menerima, atau bersetuju untuk menerima apa-apa yang bernilai daripada sesiapa yang cuba mempengaruhi keputusan perniagaan anda.

4.2. Antipelaburan Wang Haram

Fresenius Medical Care komited untuk mematuhi undang-undang yang menghalang pelaburan wang haram. Pelaburan wang haram didefinisikan sebagai melakukan transaksi melibatkan harta yang didapati dengan cara jenayah, membuat transaksi untuk mengelakkan keperluan untuk laporan yang direka bagi mengesan kegiatan jenayah, atau melakukan transaksi untuk meneruskan kegiatan jenayah. Kami mengambil langkah-langkah yang diperlukan, termasuk usaha wajar berasaskan risiko, untuk menjalankan perniagaan dengan rakan kongsi perniagaan yang bereputasi baik dalam aktiviti perniagaan yang sah, menggunakan dana yang didapati daripada sumber yang sah.

4.3. Tadbir Urus Perdagangan

Fresenius Medical Care berdedikasi untuk mematuhi undang-undang perdagangan yang sesuai dengan perniagaan kami. Undang-undang perdagangan ialah sebarang undang-undang yang mentadbir urusan perdagangan, import, eksport, pemindahan, dan pergerakan barangan, perkhidmatan, teknologi, dan dana.

Fresenius Medical Care sentiasa memeriksa undang-undang perdagangan dan melaksanakan polisi untuk memastikan kami mematuhinya. Pelanggaran undang-undang perdagangan mempunyai akibat yang teruk terhadap Fresenius Medical Care dan orang yang terlibat.

4.4. Bersaing dengan Adil

Kami menggalakkan persaingan yang adil dan mesti menjalankan perniagaan kami dengan mematuhi semua undang-undang antitrust, persaingan dan urus niaga yang adil.

4.5. Pilihan Pembekal

Perniagaan kami bergantung pada bekalan produk dan perkhidmatan yang boleh dipercayai serta tumpuan terhadap kualiti yang tinggi, kos yang kompetitif dan penerusan bekalan.

Kami komited untuk

- 1 Menawarkan pesakit dan pelanggan kami rangkaian produk dan perkhidmatan dengan kualiti tertinggi pada harga yang kompetitif
- 2 Menggalakkan kecekapan, inovasi, dan kepentingan pelanggan serta pesakit
- 3 Bersaing dengan adil dan dalam syarat-syarat undang-undang yang berkenaan
- 4 Tidak mencari kelebihan yang tidak adil melalui penipuan atau salah nyata fakta material
- 5 Tidak merendah-rendahkan pesaing atau menggunakan rahsia perdagangan pihak ketiga secara tidak wajar

Ketika memilih pembekal dan kontraktor, kami menggunakan proses yang jelas dan mempertimbangkan kriteria yang mampan. Strategi pemerolehan kami termasuk berusaha untuk, di mana ia boleh digunakan dengan wajar, sekurang-kurangnya dua sumber, kedua-duanya untuk produk atau perkhidmatan yang kritis-bekalan dan kritis-harga. Kami meminta pembekal kami untuk menggunakan standard etika yang tinggi dalam operasi mereka sendiri dan rantaian bekalan seperti yang didefinisikan dalam Tatakkelakuan Pembekal Global kami. Pekerja yang memesan produk dan perkhidmatan mesti mengikuti standard ini, undang-undang, dan polisi pemerolehan kami.

Akibat pelanggaran ini boleh menjadi amat teruk kepada anda dan kami. Jika anda ragu-ragu, hubungi Fungsi Undang-undang Global kami untuk nasihat dan latihan.



4.6. Percanggahan Kepentingan

Kami bertindak untuk kepentingan Fresenius Medical Care dan cuba melindungi reputasi kami. Dari semasa ke semasa, anda mungkin mempunyai hubungan atau persetujuan di luar Fresenius Medical Care yang mungkin bercanggah dengan kepentingan Syarikat.

Contohnya, "percanggahan kepentingan" mungkin timbul jika salah satu daripada perkara berikut berlaku

- Anda atau ahli keluarga mempunyai hubungan kewangan dengan organisasi yang dimiliki oleh Fresenius Medical Care, atau bercadang untuk memiliki, urusan perniagaan atau yang bersaing dengan Fresenius Medical Care. Hubungan kewangan ini boleh terjadi dalam banyak bentuk, termasuk pekerjaan, pemilikan, penglibatan sebagai ahli lembaga, atau hubungan lain. Contohnya, jika anda adalah seorang pengurus dan juga diambil bekerja oleh pesaing atau pembekal kepada Fresenius Medical Care, percanggahan kepentingan mungkin berlaku
- Anda atau ahli keluarga mempunyai apa-apa hubungan yang mungkin mempengaruhi anda untuk membuat keputusan dalam jawatan anda sebagai pekerja Fresenius Medical Care. Contohnya, jika jawatan anda membolehkan anda untuk mengesyorkan atau mencadangkan perniagaan kepada sebuah syarikat di mana anda atau ahli keluarga mempunyai kepentingan atau hubungan, anda mungkin mempunyai percanggahan kepentingan.

Kami berharap anda dapat memaklumkan sebarang percanggahan kepentingan kepada penyelia anda sebaik sahaja anda menyedari percanggahan tersebut. Penyelia (dengan sokongan Pematuhan) bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk melindungi anda dan Fresenius Medical Care daripada membuat keputusan yang berbahaya atau tidak sesuai.





5.0 Maklumat Kami

Kami komited untuk mengekalkan maklumat dan data yang tepat serta melaksanakan perlindungan yang sesuai untuk melindungi maklumat rahsia. Kami menggunakan maklumat Syarikat untuk Syarikat dan tujuan perniagaan sahaja. Melindungi harta intelektual Syarikat dan rahsia maklumat proprietari adalah penting terhadap perniagaan kami.

5.1. Buku dan Rekod yang Tepat

Rekod perniagaan yang tepat adalah penting terhadap operasi kami. Ia membantu kami untuk memenuhi kewajipan kami untuk memberi laporan dan pendedahan yang lengkap, tepat, serta tepat pada waktunya seperti yang diperlukan oleh undang-undang. Rekod yang tepat adalah diperlukan untuk membolehkan keputusan perniagaan dilakukan dan meneruskan perniagaan kami dengan berjaya.

Semua buku, rekod, dan akaun perlu mencerminkan transaksi perniagaan kami dengan lengkap dan tepat serta disokong dengan dokumentasi yang mencukupi dan tepat. Rekod-rekod ini termasuk pernyataan kewangan, kad perakam waktu, baucar, bil, invois, laporan perbelanjaan, rekod gaji dan faedah, penilaian prestasi, dan semua data Syarikat berkaitan yang lain.

Anda perlu mengendalikan semua rekod kertas dan elektronik selaras dengan polisi kami dan undang-undang. Anda juga perlu mematuhi syarat-syarat kawalan dalaman untuk memastikan rekod kewangan dan akaun adalah tepat.

5.2. Amalan Pembilan

Fresenius Medical Care komited terhadap pembilan yang tepat, sebenar, dan lengkap untuk semua produk dan perkhidmatan kami. Bagi menyokong pembilan yang tepat, semua rekod mesti menyediakan dokumentasi yang boleh dipercayai terhadap perkhidmatan yang diberi atau diterima atau terhadap produk yang dibeli atau dijual. Dokumentasi yang sebenar dan menepati waktu juga bergantung pada ketekunan dan perhatian semua kakitangan yang bertanggungjawab untuk mengendalikan rekod.

Setiap orang bertanggungjawab untuk memberi maklumat yang lengkap, mudah dibaca, dan sebenar pada waktu yang tepat.

5.3. Kerahsiaan dan Data Peribadi

Fresenius Medical Care mengambil serius tentang kerahsiaan dan keselamatan serta menghormati kerahsiaan semua pihak berkepentingan, sama ada mereka ialah pesakit, pekerja, pelanggan, pembekal, atau lain-lain.

Kami hanya akan mengambil data persendirian jika kami mempunyai asas undang-undang atau keperluan perniagaan sah untuk melakukannya. Kami akan menjadi telus dan mematuhi undang-undang serta polisi. Menggunakan data peribadi untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau mendapatkan kelebihan atau kepentingan peribadi adalah dilarang. Akses terhadap data peribadi, termasuk data pesakit dan pekerja, sentiasa dihadkan kepada dasar perlu mengetahui.

Tanggungjawab anda adalah untuk:

- 1 Mengendalikan data peribadi dengan cara yang sesuai dan memproses data peribadi untuk tujuan sah yang tertentu sahaja
- 2 Berkongsi data peribadi dengan penerima yang diberi kuasa sahaja dan pada dasar perlu mengetahui
- 3 Memastikan perlindungan berkontrak yang berkaitan dengan pihak ketiga dan pembekal perkhidmatan dilaksanakan

5.4 Perlindungan Maklumat Rahsia dan Rahsia Perdagangan

Maklumat rahsia dan rahsia perdagangan Syarikat mesti disimpan secara rahsia, tanpa mengira sama ada maklumat tersebut ditandakan sebagai "rahsia" atau "terhad". Kewajipan kerahsiaan anda akan diteruskan walaupun selepas tempoh bekerja anda dengan Fresenius Medical Care telah tamat.

5.5 Harta Intelektual

Harta intelektual (paten, tanda dagangan, rahsia perdagangan, pengetahuan teknikal dan saintifik, atau cara mengetahui) adalah sebahagian daripada aset yang paling penting bagi Syarikat. Melindungi harta intelektual kami adalah penting untuk meneruskan inovasi yang membolehkan Fresenius Medical Care memberi produk dan perkhidmatan yang bagus untuk menambah baik kualiti hidup pesakit kami setiap hari.

Kami menghormati harta intelektual orang lain, tidak pernah menggelapkan atau membuat pendua tanpa kebenaran, dan memastikan bahawa Fresenius Medical Care ialah rakan kongsi yang dipercayai serta mengelakkan denda atau penalti yang berkemungkinan.

Tanggungjawab anda adalah untuk:

- 1 Menggunakan aset dan data Syarikat untuk tujuan perniagaan sahaja, prestasi yang sesuai dengan tugas anda, dan mengendalikannya dengan baik
- 2 Menggunakan semua perlindungan yang diperlukan untuk melindungi komputer anda atau alat elektronik yang lain daripada penggunaan, akses, atau modifikasi perisian yang tidak dibenarkan, terutamanya apabila mengendalikan maklumat Syarikat yang rahsia
- 3 Melaporkan sebarang alat milik Syarikat yang hilang, dicuri, rosak atau terjejas atau alat yang mengandungi maklumat Syarikat kepada pengurus anda, Pegawai Pematuhan Tempatan atau Kawasan anda, atau Fungsi Undang-undang Global
- 4 Melaporkan sebarang keraguan dokumen atau data yang disembunyikan, diubah, dipalsukan, atau dimusnahkan
- 5 Mengikuti arahan keselamatan siber oleh Jabatan Teknologi Maklumat
- 6 Berkongsi maklumat tentang projek, perincian teknikal, atau maklumat Syarikat yang rahsia dengan orang yang perlu mengetahuinya secara sah sahaja
- 7 Membuat transkrip dan salinan data atau mengedarkan rahsia perdagangan hanya jika diperlukan untuk menyelesaikan tugas pekerjaan anda
- 8 Tidak menggunakan atau mendedahkan maklumat rahsia yang dimiliki oleh bekas majikan atau sebarang pihak ketika semasa menjalankan tugas anda untuk Fresenius Medical Care

5.5 Urus Janji Sendiri Tidak Dibenarkan

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk bertindak untuk kepentingan Syarikat, anda tidak boleh mengambil kesempatan peribadi terhadap maklumat perniagaan yang didapati melalui prestasi tugas anda. Sebarang peluang perniagaan yang ditemui semasa anda mengendalikan urusan perniagaan bagi pihak Fresenius Medical Care dimiliki oleh Syarikat dan bukannya anda.

Contoh-contoh tindakan yang tidak boleh dilakukan termasuk:

- 1 Menggunakan harta, maklumat Fresenius Medical Care, atau jawatan anda di Fresenius Medical Care untuk mendapatkan faedah atau kelebihan peribadi atau untuk memberi kelebihan kepada pihak ketiga atau sebarang bentuk pengkayaan sendiri yang tidak wajar
- 2 Meneruskan peluang perniagaan sendiri yang berlaku dalam konteks kerja anda untuk Fresenius Medical Care dan oleh itu, dimiliki oleh Syarikat

5.7 Perdagangan Orang Dalam

Fresenius Medical Care AG & Co. KGaA disenaraikan dengan Bursa Saham Frankfurt (DAX30) dan Bursa Saham New York (NYSE) serta mengikuti prinsip panduan yang berkaitan untuk menguruskan syarikat-syarikat yang tersenarai dalam saham.

Fresenius Medical Care amat komited terhadap pematuhan dengan undang-undang pasaran modal dan keselamatan yang berkenaan. Ini termasuk sekatan perdagangan orang dalam berhubung dengan maklumat orang dalam. Maklumat orang dalam ialah maklumat Syarikat yang, jika diketahui umum, dijangka dapat menjejaskan nilai keselamatan dengan teruk. Contoh biasa ialah ramalan atau angka kewangan yang didapati daripada jangkaan pasaran, maklumat tentang penggabungan yang besar atau aktiviti pemerolehan, dan pelanggaran undang-undang yang serius.

Perdagangan orang dalam dan pendedahan maklumat orang dalam yang tidak mematuhi undang-undang ialah kesalahan jenayah. Dengan mematuhi undang-undang dan polisi kami, kami melindungi Fresenius Medical Care dan setiap orang daripada kita.

Kami meminta anda untuk:

- Menggunakan atau mendedahkan maklumat orang dalam hanya jika diperlukan untuk prestasi tugas pekerjaan anda
- Mengelakkan daripada menjual atau membeli saham Fresenius Medical Care atau mengesyorkan orang lain untuk melakukannya apabila anda mempunyai maklumat orang dalam
- Mengelakkan daripada berkongsi maklumat orang dalam kecuali berkaitan dengan aktiviti Syarikat dan mematuhi polisi kami serta undang-undang

6.0 Komunikasi Kami

Kami komited untuk berkomunikasi dengan entiti luaran dalam cara yang jelas dan jujur. Reputasi kami bergantung pada sikap kami yang terbuka dan jujur dalam komunikasi kami.



6.1. Permintaan Maklumat daripada Pihak Berkuasa Kerajaan

Fresenius Medical Care menjalankan perniagaan dalam cara yang jelas dan mematuhi arahan. Oleh itu, kami memberi respons terhadap semua audit, semakan, dan siasatan kerajaan dalam cara yang bersesuaian. Jika anda menerima permintaan kerajaan yang tidak termasuk dalam tanggungjawab biasa anda, anda perlu segera menghubungi penyelia anda dan Fungsi Undang-undang Global. Fungsi Undang-undang Global akan menyelaraskan semua respons terhadap permintaan kerajaan tersebut. Anda juga diminta untuk segera menghubungi Fungsi Undang-undang Global selepas menerima sebarang permintaan yang bukan biasa atau permintaan yang mungkin kurang baik daripada sebarang agensi atau wakil kerajaan, seperti sepina, waran, dan permintaan untuk soal jawab.

Jika pekerja dihubungi oleh sebarang agensi pihak berkuasa undang-undang di luar kawasan Fresenius Medical Care yang berhubung dengan Fresenius Medical Care atau pekerjaan mereka atau hubungan dengan Fresenius Medical Care, pekerja diminta untuk segera memberitahu peguam Syarikat yang bertanggungjawab terhadap kawasan atau negara mereka, melainkan agensi tersebut telah menghalang mereka daripada membincangkan perkara ini.

6.2. Komunikasi dengan Pihak Media

Komunikasi yang terbuka dan jujur ialah prasyarat untuk mengekalkan kepercayaan pesakit, pelanggan, pihak berkepentingan kami, dan pihak berkepentingan yang lain. Fresenius Medical Care boleh memastikan bahawa

komunikasi ini adalah konsisten hanya jika kenyataan dan maklumat yang diberi kepada pihak media telah diberi kebenaran terlebih dahulu oleh Komunikasi Korporat Fresenius Medical Care. Jika anda menerima permintaan oleh pihak media untuk sebarang maklumat yang berkaitan dengan Fresenius Medical Care, anda perlu meminta kebenaran daripada pengurus anda. Setiap pengurus perlu memaklumkan permintaan tersebut kepada Jabatan Komunikasi Korporat.

6.3. Pengiklanan dan Promosi

Aktiviti dan promosi perniagaan Fresenius Medical Care tentang produknya sentiasa dikawal selia. Kami telah menghasilkan polisi tertentu untuk memastikan amalan perniagaan, pemasaran, dan aktiviti promosi mematuhi Tatakelakuan ini dan undang-undang. Semua bahan promosi berkenaan produk Fresenius Medical Care mesti diperiksa dan dibenarkan, selaras dengan polisi kami.

Semasa mempromosi produk dan perkhidmatan kami, tanggungjawab anda adalah untuk:

- 1 Sentiasa bersikap jujur, tepat dan tidak mengelirukan
- 2 Memberi penerangan yang jujur dan seimbang tentang kebaikan dan risiko
- 3
- 3 Hanya membuat kenyataan yang disokong oleh maklumat klinikal dan saintifik yang bersesuaian
- 4 Membuat kenyataan promosi yang konsisten dengan penggunaan produk yang telah diluluskan atau dibenarkan oleh kerajaan negara anda, dan mengedarkan kenyataan tersebut dalam cara yang mematuhi undang-undang

6.4. Penggunaan Media Sosial

Media sosial membentuk bahagian yang penting dalam perniagaan hari ini dan kehidupan peribadi pekerja kami. Media sosial termasuk rangkaian sosial, blog, wiki, aplikasi mesej, dan laman web penstriman video.

Apabila menggunakan media sosial, setiap pengguna bertanggungjawab untuk memastikan maklumat dalaman dan rahsia adalah selamat.

Tanggungjawab anda adalah untuk:

- 1 Bersikap jujur dan tepat apabila menggunakan media sosial
- 2 Menyatakan pendapat dan komen peribadi anda sendiri dalam media sosial peribadi menggunakan nama anda, bukan nama Fresenius Medical Care atau pengenal pasti Syarikat, seperti e-mel atau alamat e-mel Fresenius Medical Care, kecuali diberi kebenaran untuk melakukannya
- 3 Menyatakan bahawa anda meluahkan pendapat anda sebagai orang persendirian apabila anda menyebut Fresenius Medical Care
- 4 Mematuhi polisi kami dan Tatakelakuan ini apabila anda dapat dikenal pasti sebagai pekerja Fresenius Medical Care (contohnya apabila membuat hantaran di media sosial perniagaan)
- 5 Sentiasa mengingati hak-hak orang lain, termasuk hak persendirian, jenama, tanda dagangan, dan hak milik orang lain
- 6 Mempertimbangkan semua hantaran anda di internet yang mungkin boleh dilihat oleh sesiapa sahaja
- 7 Sila ingat bahawa hantaran peribadi dan profesional, mungkin akhirnya dikaitkan dengan Fresenius Medical Care, walaupun penggabungan anda dengan Fresenius Medical Care tidak dinyatakan

Kami meminta anda supaya tidak:

- Menggunakan media sosial untuk sebarang aktiviti klinikal atau aktiviti pesakit jika tidak diberikan atau diberi kuasa tertentu oleh Fresenius Medical Care untuk prestasi perniagaan
- Menyimpan/membuat hantaran/berkomunikasi/berkongsi/memindahkan data dalaman atau rahsia dalam media sosial
- Menghantar ulasan pengguna untuk produk atau perkhidmatan Fresenius Medical Care atau produk dan perkhidmatan kompetitif (sebagai pekerja Fresenius Medical Care, kami berat sebelah secara semula jadi dan bukannya merupakan pengguna)
- Menggunakan media sosial untuk menjalankan perniagaan rasmi Fresenius Medical Care (contohnya untuk merekrut atau membuat kenyataan rami bagi pihak Fresenius Medical Care) tanpa kebenaran terlebih dahulu oleh penyelia atau pengurus anda
- Mendedahkan sebarang maklumat berkaitan pesakit atau sebarang data peribadi

6.5. Aktiviti Politik

Proses perundangan dan kawal atur yang memberi impak terhadap perniagaan kami adalah rumit dan pelbagai. Syarikat perlu terlibat dalam perbincangan polisi dari semasa ke semasa dengan pengawal atur dan melibatkan diri serta bekerjasama dengan pihak ketiga untuk membantu dalam melobi dan usaha yang serupa. Semua aktiviti tersebut perlu dikendalikan di bawah bimbingan pakar urusan kerajaan dalaman kami dan mematuhi undang-undang yang berkaitan. Kami juga mengambil kira kepentingan masyarakat dalam ketelusan dan keterbukaan.

Kami menyedari bahawa setiap pekerja terlibat dalam aktiviti politik peribadi mereka. Aktiviti individu tersebut akan dijalankan secara berasingan dan bebas. Aktiviti politik peribadi tidak boleh berkaitan atau kelihatan berkaitan dengan pekerjaan atau penglibatan dengan Fresenius Medical Care. Pekerja tidak boleh menggunakan waktu, harta, atau peralatan Syarikat untuk aktiviti peribadi mereka.





^{7.0} **Tanggungjawab Kami sebagai Rakyat Korporat**

Kami komited untuk mempunyai impak positif dalam industri dan komuniti kami.

7.1. Perlindungan Alam Sekitar

Kami berdedikasi untuk membina, menghasilkan, dan mengaplikasikan produk serta perkhidmatan kami dalam cara yang mampan. Ini bermakna kami memberi perhatian terhadap cara perniagaan kami memberi impak terhadap alam sekitar. Kami melaksanakan standard untuk meminimumkan risiko alam sekitar, mematuhi undang-undang alam sekitar, dan melaporkan perkara sewajarnya. Kami berusaha untuk menggunakan sumber kami, seperti tenaga, air, dan bahan mentah dengan efisien, contohnya melalui kitar semula. Kami terus bekerja untuk mengurangkan kesan buruh aktiviti kami terhadap alam sekitar dan meningkatkan kesedaran isu alam sekitar.

Tanggungjawab anda adalah untuk mematuhi undang-undang yang berkaitan, mematuhi Tatakelakuan ini dan polisi kami untuk perlindungan alam sekitar serta mengambil langkah pencegahan yang diperlukan untuk mencegah insiden alam sekitar.

7.2. Derma dan Tajaan

Kami bercita-cita untuk menjadi rakyat korporat yang baik dan menggunakan sumber untuk memajukan penjagaan kesihatan dan tujuan amal lain. Kami mungkin memberi derma, terutamanya mereka yang ingin memajukan penjagaan perubatan. Kami juga mungkin memberi derma kepada badan amal atau organisasi awam yang menyediakan perkhidmatan dalam komuniti di mana kami menjalankan perniagaan. Kami tidak memberi derma atau sumbangan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan, atau mendapatkan kelebihan yang tidak wajar. Sebarang derma atau tajaan mestilah mematuhi semua undang-undang yang berkaitan dan polisi kami serta memerlukan kebenaran terlebih dahulu daripada pakar dalaman kami. Kami komited untuk menjejaki dan menjadi telus tentang aktiviti derma serta tajaan.

Kami mungkin memberi dana untuk acara pendidikan yang diatitkan oleh organisasi penjagaan kesihatan bereputasi baik dan pengatur acara di mana tujuan acara tersebut adalah untuk mempromosikan pendidikan perubatan atau memahami isu saintifik, klinikal atau penjagaan kesihatan yang menyumbang kepada penambahbaikan penjagaan perubatan.



8.0 Pematuhan Kami

Semua orang di Fresenius Medical Care bertanggungjawab terhadap pematuhan. Kami semua "memahiri" pematuhan.



Dalam membuat keputusan perniagaan, sila pertimbangkan perkara berikut:

- 1 Adakah saya ragu-ragu bahawa tingkah laku ini adalah sah?
- 2 Adakah tingkah laku perniagaan selari dengan Tatakelakuan ini, undang-undang dan polisi Fresenius Medical Care?
- 3 Adakah tingkah laku perniagaan ini membantu atau membahayakan reputasi global Fresenius Medical Care?

8.1. Gambaran Keseluruhan

Program pematuhan ini mengandungi elemen-elemen asas berikut:

- Polisi, prosedur, dan standard
- Latihan dan pendidikan pematuhan
- Pegawai dan ahli jawatankuasa pematuhan
- Pelbagai saluran untuk berbincang tentang soalan pematuhan, termasuk Talian Tindakan Pematuhan yang rahsia
- Audit dan pemeriksaan dalaman
- Garis panduan disiplin yang standard
- Respons segera dan tindakan pembetulan yang berkaitan dengan pelanggaran yang telah dikenal pasti

Jika anda ragu-ragu tentang perkara yang perlu dilakukan, atau sama ada suatu tindakan adalah wajar, ikuti langkah-langkah ini:

- Mengkaji semula Tatakelakuan ini dan polisi Fresenius Medical Care
- Bertanya penyelia atasan anda atau pengurus lain
- Menghubungi pegawai pematuhan tempatan atau kawasan anda, Jabatan Pematuhan korporat atau peguam syarikat kawasan
- Menghubungi Talian Tindakan Pematuhan masing-masing jika anda tidak selesa untuk menggunakan sumber-sumber di atas atau lebih gemar untuk merahsiakan nama

8.2. Polisi

Fresenius Medical Care memberi maklumat yang anda perlukan untuk menjalankan tugas anda dalam cara yang sah dan beretika. Ini termasuk sumber-sumber berikut:

Tatakelakuan Perniagaan & Etika

Tatakelakuan ini menumpukan pada konsep dan standard pematuhan am serta memberi gambaran yang luas tentang tingkah laku yang dijangka.

Polisi

Fresenius Medical Care telah menghasilkan polisi untuk memberi arahan spesifik dalam cara membentuk tugas anda terhadap prinsip am yang telah diterangkan dalam Tatakelakuan ini. Polisi ini dihasilkan untuk operasi spesifik bagi setiap negara dan selari dengan setiap undang-undang tempatan negara.

8.3. Latihan

Fresenius Medical Care memberi latihan untuk membantu anda melakukan kerja anda dengan baik. Latihan tersebut membincangkan Tatakelakuan ini dan memberi anda maklumat tentang undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan kami dan negara anda.

Banyak fungsi dalam Fresenius Medical Care (seperti jualan dan pemasaran, pembilan, dan pembayaran balik, serta lain-lain) mungkin mempunyai latihan khas tambahan. Anda akan diberitahu jika jawatan anda memerlukan latihan tambahan ini.

Latihan pematuhan adalah diwajibkan.

8.4. Melaporkan Pelanggaran yang Berkemungkinan

Fresenius Medical Care amat komited untuk menjalankan perniagaan secara beretika dan mematuhi undang-undang yang mentadbir industri kami. Oleh itu, Syarikat akan menyiasat semua pelanggaran undang-undang, Tatakelakuan ini, dan polisi Syarikat yang didakwa.

Anda boleh melaporkan pelanggaran undang-undang, Tatakelakuan ini, dan polisi Syarikat yang berkemungkinan, atau amalan perniagaan tidak beretika atau secara salah yang berkemungkinan kepada penyelia anda, pasukan Pematuhan, Perundangan, atau Sumber Manusia pada bila-bila masa. Anda (begitu juga pihak ketiga luaran) juga boleh melaporkan secara rahsia dan tanpa nama (apabila dibenarkan di bawah undang-undang tempatan) kepada Talian Tindakan Pematuhan (CAL) kami.

Prinsip kami yang melarang tindakan balas

Syarikat melarang tindakan balas terhadap sesiapa yang telah membuat laporan berdasarkan sebab munasabah tentang pelanggaran undang-undang, Tatakelakuan ini, atau garis panduan dan polisi Fresenius Medical Care yang disyaki. Jika anda percaya anda telah diganggu atau menerima tindakan balas kerana melaporkan atau ingin melaporkan pelanggaran sebenar atau pelanggaran berkemungkinan, laporkan perkara ini kepada Pegawai Pematuhan Tempatan atau Kawasan anda, Jabatan Pematuhan Korporat, Jabatan Sumber Manusia tempatan, atau Talian Tindakan Pematuhan.

Jika anda mempunyai soalan tentang melaporkan pelanggaran yang berkemungkinan:

Jika anda ingin membuat laporan atau mempunyai soalan lanjut, sila lawati → www.fresenius.ethicspoint.com atau hubungi:

- complianceactionline@fmc-ag.com (di seluruh dunia kecuali AS dan Rusia),
- compliance.ActionLine@fmc-na.com (AS) atau
- complianceactionline-russia@fmc-ag.com (Rusia).

8.5. Pegawai Pematuhan - Sokongan

Jabatan Pematuhan terdiri daripada pakar profesional pematuhan yang berpengalaman dan memberi sokongan kepada semua Jabatan di Fresenius Medical Care. Anda perlu menggunakan sumber ini jika anda menghadapi situasi yang menimbulkan kebimbangan pematuhan.

Fresenius Medical Care mengharapkan perbincangan terbuka tentang isu pematuhan. Selalunya, bertanya soalan ialah cara terbaik untuk menentukan sama ada suatu tindakan adalah wajar. Jika anda tidak pasti sama ada tindakan tersebut adalah wajar, berhenti sehingga anda telah bertanya dan mengesahkan bahawa anda boleh meneruskannya.

8.6. Jangkaan Kami dan Tanggungjawab Anda


Fresenius Medical Care berharap semua pekerja dapat menjalankan tugas mereka selari dengan tujuan Syarikat, nilai-nilai global, polisi, Tatakelakuan ini, dan undang-undang.

Kami meminta semua orang di Fresenius Medical Care mematuhi perkara berikut:

- 1 Menjalani nilai-nilai global setiap hari dengan bekerjasama, proaktif, boleh dipercayai, dan cemerlang
- 2 Memahami dan bertindak selari dengan Tatakelakuan ini, undang-undang, dan polisi kami yang berkaitan dengan tugas anda
- 3 Tidak terlibat atau diketahui bertolak ansur, menggalakkan, atau meyokong tingkah laku atau tindakan yang melanggar Tatakelakuan ini, polisi atau undang-undang
- 4 Bertanya penyelia anda atau sumber-sumber yang telah diterangkan dalam Tatakelakuan ini jika anda berasa ragu-ragu tentang amalan atau tingkah laku perniagaan
- 5 Memberitahu penyelia anda, atau Pegawai Pematuhan Tempatan atau Kawasan anda, Jabatan Pematuhan Korporat, Jabatan Sumber Manusia tempatan, atau Talian Tindakan Pematuhan masing-masing jika anda mengesyaki pelanggaran Tatakelakuan ini, polisi kami, atau undang-undang
- 6 Menyokong dan membantu dalam siasatan jika diminta

Pengurus dan penyelia juga digalakkan untuk menjalankan perkara berikut:

- 1 Bertindak sebagai model peranan
- 2 Memastikan semua pekerja bawahan anda memahami dan bertindak dalam cara yang selari dengan Tatakelakuan ini, polisi kami, dan undang-undang
- 3 Merangsang persekitaran kerja yang menggalakkan komunikasi terbuka, jujur, dan telus
- 4 Menggalakkan persekitaran kerja yang menggalakkan supaya soalan akan ditanya, dan menumpukan pada isu integriti yang anda mungkin ketahui
- 5 Memulakan tindakan pembetulan yang sesuai apabila Tatakelakuan ini atau polisi kami tidak dipatuhi
- 6 Melaporkan sebarang pelanggaran yang berkemungkinan kepada Pematuhan atau Sumber Manusia, seperti yang sewajarnya
- 7 Memastikan tindakan balas tidak akan diterima terhadap sesiapa yang menyuarakan kebimbangan atau membuat laporan dengan sebab munasabah tentang pelanggaran sebenar atau yang dijangka terhadap Tatakelakuan ini, polisi kami, atau undang-undang



Penghargaan Imej:

Jurugambar: p. 3, p. 6, p. 8, p. 10, p. 25, p. 27: Matthias Haslauer,
p. 12, p. 26: Matthias Ziegler, p. 17: Josh Robenstone

Stocksy: p. 14: Victor Torres, p. 21: Alto Images, p. 15, p. 31: Lumina

Adobe Stock: p. 13: Seventyfour, p. 16: Mangostar,
p. 24: TheVisualsYouNeed

FRESENIUS MEDICAL CARE

Else-Kroener-Str. 1
61352 Bad Homburg v.d.H
Germany
P +49 6172 609 0
www.freseniusmedicalcare.com

KOMUNIKASI KORPORAT

P + 49 6172 609 25 25
F + 49 6172 609 23 01
Corporate-communications@fmc-ag.com

JABATAN PEMATUHAN

P +49 6172 609 2147
F +49 6172 608 392147
corporate.compliance@fmc-ag.com



fmc_ag



freseniusmedicalcare.corporate



freseniusmedicalcare